| | | |
|---|---|---|
| 2.2.2 | Membaca | Membaca dan memahami ayat serta perenggan dengan memberikan maksud yang tersurat dan tersirat dengan betul dan tepat. |
| Tema | | Ekonomi, Keusahawanan dan Pengurusan Kewangan |

# PENGURUSAN WANG SAKU

Wang memainkan peranan penting dalam kehidupan kita. Oleh sebab itu, kita hendaklah bijak menguruskannya. Sebagai murid sekolah, kita hendaklah mempunyai buku wang saku. Buku wang saku boleh dijadikan sebagai panduan sebelum kita berbelanja.

Sebagai langkah pertama, catatkan jumlah setiap sumber kewangan yang kita peroleh. Contohnya, wang saku yang diberikan oleh ibu bapa dan ahli keluarga yang lain. Seterusnya, catatkan setiap penggunaan wang yang kita lakukan. Dengan cara ini, kita dapat membezakan jumlah wang yang masuk dan jumlah wang yang keluar.

Selain itu, sebelum membeli sesuatu barangan, pastikan kita telah membuat perancangan perbelanjaan yang berhemat. Kita haruslah bijak membezakan sama ada sesuatu yang ingin kita beli merupakan keperluan atau kehendak. Pembelian barangan yang tidak mengikut perancangan akan menyebabkan kita berbelanja secara boros.

Akhir sekali, kita haruslah mengamalkan tabiat menabung sejak kecil. Pada setiap akhir bulan, catatkan jumlah tabungan yang diperoleh. Hal ini demikian kerana wang tabungan kita boleh digunakan untuk perancangan masa hadapan. Wang simpanan juga dapat digunakan ketika kita mengalami kecemasan. Oleh sebab itu, pengurusan wang sangat penting dalam kehidupan kita. Kita haruslah menggunakan wang dengan bijaknya, bak kata peribahasa beringat sebelum kena, berjimat sebelum habis.



(Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada *Buku Wang Saku*, Bank Negara Malaysia.)

**1. Kenapa murid sekolah perlukan buku duit saku ?**

LIVEWORKSHEETS

2. **Apakah langkah pertama yang kita perlu lakukan setelah mendapat wang saku?**

3. **Kenapa kita perlu mencatat penggunaan wang saku yang kita lakukan?**

4. **Kenapa kita perlu membuat perancangan perbelanjaan ynag berhemat**

5. **Kenapa kita perlu menabung?**

LIVEWORKSHEETS